

PENAMPILAN MONA FANDEY SEBAGAI LEGENDA URBAN, MENGGAMIT KONTROVERSI DI DUNIA SIBER

[MONA FANDEY'S APPEARANCES AS AN URBAN LEGEND, SPARKED CONTROVERSY IN THE CYBERSPACE]

NORASHIKIN HAMZAH¹
SHAIFUL BAHRI MD RADZI^{1*}

Abstrak

Mona Fandey, figura yang mencetuskan kontroversi sekitar tahun 1990-an. Sehingga kini nama beliau masih lagi menjadi titipan bagi warga siber terutamanya, bagi mengetahui kisah misteri di sebalik penampilan beliau. Penemuan mayat ahli politik, Mazlan Idris pada 1993 telah mencetuskan suatu fenomena kerana keadaan mangsa yang dikerat kepada 18 bahagian serta ditanam di sebuah rumah tinggal di Raub, Pahang. Lebih menarik perhatian khalayak adalah penampilan Mona Fandey yang ternyata menimbulkan aura 'seram' kerana dikaitkan dengan pengamalan ilmu hitam beliau. Pakaian, tata rias wajah (mekap) di samping sering melemparkan senyuman tatkala hadir perbicaraan di mahkamah telah meninggalkan tanda tanya serta mewujudkan sebuah kumpulan folklor urban yang membicarakan tentang perilaku serta tindak-tanduk Mona Fandey. Justeru itu, lama-kelamaan sesawang dipenuhi dengan tafsiran-tafsiran yang kebanyakannya bersifat negatif malah ada yang menjadikannya sebagai suatu humor bagi merancakkan lagi pembicaraan di siber. Justeru itu dengan terbinanya platform sesawang ini, nama Mona Fandey kembali menjadi perhatian sekali gus menjadikan beliau sebagai legenda urban di Malaysia.

Kata Kunci: Mona Fandey, legenda urban, folklor bandaran, siber, keterampilan.

Abstract

Mona Fandey, the figure that sparked controversy around the 1990s. Until now her name is still a bridge for cyber citizens especially, to know the mysterious story behind her appearance. The discovery of the politician's body, Mazlan Idris in 1993 triggered a phenomenon due to the condition of the victims being 18 parts and planted in a living house in Raub, Pahang. More eye-reaching audiences were Mona Fandey's appearance that turned out to pose for a 'horror' aura for being associated with practicing her black knowledge. Clothing, rice face-to-face (bloom) while frequently throwing smiles while attending trial in court has left a question mark and created a urban folklore group that talks about the behavior as well as the reactions of Mona Fandey. Hence, the websites are filled with interpretations that are mostly negative in nature

¹Pusat Penyelidikan Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Corresponding Author:

SHAIFUL BAHRI MD RADZI, Pusat Penyelidikan Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.
E-mail: sbmr@ukm.edu.my

and some even make it a humor to enliven further talks in cyberspace. Thus, with the built-in platform of the website, mona Fandey's name returned to attention, thus making her a urban legend in Malaysia.

Keywords: Mona Fandey, urban legend, urban folklor, cyber, compilation.

Cite This Article: Norashikin Hamzah & Shaiful Bahri Md. Radzi. (2021). Penampilan Mona Fandey Sebagai Legenda Urban, Menggamit Kontroversi di Dunia Siber. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 2(1), 19-33.

PENGENALAN

Persaingan adalah penting dalam menjalani kehidupan bermasyarakat. Segala aspek kehidupan masa kini memerlukan pengorbanan dan tuntutan yang lebih daripada sepatutnya. Arus kemodenan terutama dari sudut material seperti kestabilan kewangan, pemilikan hartanah, dan kenderaan yang dimiliki menjadi ukur tara dalam penilaian keberadaan seseorang individu dalam kelompok masyarakatnya. Bukan itu sahaja, bahkan bermula dari hujung rambut hinggalah ke hujung kaki, semuanya perlu dititik beratkan. Hal ini penting agar perhatian dan tumpuan individu tersebut akan sentiasa berada dalam 'barisan' VVIP. Sememangnya keterampilan memainkan peranan penting dalam meraih populariti untuk dikenali ramai. Pelbagai cara akan dilaksanakan bagi mencapai keinginan tersebut. Terpulanglah kepada empunya diri sama ada untuk memilih cara yang mudah mahupun sukar. Semuanya haruslah membawa kepada satu kejayaan yang hakiki supaya dapat diingati serta dibanggakan sepanjang hayat kelak. Faktor inilah yang menjadikan seorang figura bernama Mona Fandey cukup dikenali di Malaysia sekitar tahun 1993. Kini, kisahnya sekali lagi meledakkan kedinginan suasana tetapi di dalam medium lebih canggih yang dikenali sebagai dunia siber.

Perkembangan teknologi adalah sejajar dengan peradaban manusia. Setiap negara pasti mempunyai fokus wawasan yang ingin dicapai pada masa-masa tertentu. Sudah pastinya, teknologi adalah sebahagian daripada alat mempercepatkan pencapaian wawasan tersebut dan ini tidak terkecuali Malaysia. Tun Mahathir Mohamad ialah insan yang bertanggungjawab memperkenalkan Wawasan 2020 dengan melaksanakan beberapa projek mega dan dasar-dasar negara yang baharu. Kemajuan teknologi ini secara langsung telah mewujudkan laman-laman sesawang yang membicarakan pelbagai isu di samping memperoleh informasi di hujung jari. Facebook dan Twitter adalah antara medium utama yang menjadi pilihan dalam bual bicara berkenaan keperihalanan personaliti Mona Fandey. Pembunuhan kejam yang dilakukan oleh wanita ini menyemarakkan kembali popularitinya terutama saat-saat Mona Fandey tampil di khalayak ramai dengan pelbagai aksi dan gaya. Walaupun kisah pembunuhan Mazlan Idris menjadi kes berprofil tinggi, namun faktor keterampilan Mona Fandey lebih banyak diperkatakan di dalam laman-laman sesawang berbanding perbicaraannya. Inilah yang menjadi penyatuan dalam kumpulan folklor urban Mona Fandey. Malah, ia telah mengangkat Mona Fandey sebagai seorang legenda urban di Malaysia.

DUNIA SIBER, FOLKLOR URBAN DAN LEGENDA URBAN

Sebahagian besar kehidupan manusia masa kini dipengaruhi oleh media massa. Tidak kira sama ada dalam bentuk bercetak mahupun elektronik, kedua-duanya telah memberi impak yang sama dalam pembaharuan sosialisasi bermasyarakat. Hurlock (1978) merujuk perkembangan sosial sebagai satu proses pemerolehan keupayaan untuk bertingkah laku seperti yang dikehendaki atau diharapkan oleh masyarakatnya. Oleh itu, tiga proses pemasyarakatan yang saling berkait antara satu dengan yang lain harus dilalui bagi membolehkan seseorang itu diterima sebagai ahli masyarakat (Julia Unggai 1992: 2). Justeru itu, kedatangan era teknologi dilihat sebagai salah satu cara yang menuntut perubahan dan penyesuaian dalam kalangan masyarakatnya.

Acap kali kata “kemodenan” ditekankan oleh setiap kerajaan dalam pembaharuan dan perkembangan negara terutama dari segi ekonomi dan tidak terkecuali Malaysia. Mahu atau tidak, secara langsung kemodenan ini diaplikasikan oleh setiap anggota masyarakatnya dari satu peringkat ke satu peringkat yang lebih maju sehingga menampakkan perubahan dari segi sosialisasi dan akulturasi. Tambahan pula, menjelang abad ke-21, teknologi maklumat (IT) mempunyai daya kepentingan yang tinggi dalam seluruh aspek kehidupan masyarakat dunia. Akibatnya, kebimbangan telah tercetus kerana berkemungkinan berlakunya kepupusan adat resam dan tradisi nenek moyang yang sudah diperturunkan sejak zaman berzaman.

Namun begitu, tidak semua tradisi ini mengalami kemunduran dan ke pinggiran akibat daripada perkembangan teknologi. Tradisi lisan ataupun folklor adalah contoh tradisi tertua yang sehingga kini masih segar dan tidak akan sesekali terluput dari keperibadian anggota masyarakatnya terutama orang Melayu. Walaupun terdapat beberapa sarjana yang menentang kekusaran berkenaan pemuliharaan tradisi ini dan antaranya ialah Noriah Taslim. Menurut beliau, ilmu dan pengetahuan tradisional tidak dapat lagi membantu manusia menyelesaikan masalah dan berhadapan dengan realiti dunia semasa. Sejujurnya, pendapat ini dapat disangkal. Sastera tradisional, khususnya tradisi folklor amat kaya dengan unsur didaktik dan pengajaran yang kemudiannya berkembang bersama bidang bahasa dan kesusasteraan Inggeris mahupun antropologi sehinggalah berjaya mengasingkan diri membentuk bidangnya yang tersendiri (Shaiful Bahri Md. Radzi 2011). Jika dilihat kembali, unsur-unsur di dalamnya sememangnya sangat relevan untuk digunakan dalam konteks semasa.

Oleh itu, dengan proses pelestarian teknologi ke dalam budaya hidup masyarakat Melayu khususnya, telah membantu meneruskan kelangsungan hidup tradisi lisan. Bentuk cerita dan isu yang ingin dikongsi masih berteraskan ciri-ciri lisan yang sama, bezanya hanyalah ia disampaikan pada konteks semasa dan medium perantara yang lebih canggih, iaitu Internet. Hal yang serupa diperkatakan oleh Krishenblatt Gimblett (1998: 310), *“new technologies do not necessarily displace, replace or eliminate earlier ones. They alter the relations among them and incorporate one-another for reaching effects.”* Atas dasar inilah, telah wujud satu konsep baharu yang dikenali sebagai folklor bandaran (urban folklore) seperti kenyataan Jan Harold Brunvand (1981: xi) berikut: *“...stories the most people heard as true accounts of real-life experiences...refer to these believable stories...as “urban belief tales” or, simply, “urban legends”...Urban legends,...are realistic stories concerning recent events (or alleged events) with an ironic or supernatural twist...told and believed by some of the most sophisticated “folk” of the modern society-young people, urbanites, and the well educated.”*

Namun begitu, pada awalnya konsep folklor bandaran ini mendapat tentangan kuat daripada Amin Sweeney tetapi dibidas oleh Shaiful Bahri Md. Radzi. Pada pendapat Amin Sweeney (1987: 10), folklor bandaran tidak wujud dalam konteks Melayu.

“Kemurnian tradisi” dan “keaslian data” yang dirujuk oleh Sweeney membawa pengertian bahawa folklor itu hidup dalam masyarakat yang bersifat tradisional. Data-data yang dikutip pula haruslah dilakukan secara terus seperti yang dituturkan oleh pencerita dalam masyarakat pemilikinya dan itulah yang dimaksudkan sebagai “keaslian data”. Pendapat Sweeney ini bertepatan namun ianya sudah tidak selari lagi dengan keadaan dan situasi ketika ini. Apatah lagi, generasi baru amat mendambakan keringkasan dan kecepatan sesuatu penceritaan sebagai salah satu sumber hiburan mereka. Masyarakat zaman kini tidak lagi hidup berorientasikan gaya lama kecuali pengekalan tradisi adat resam dan budaya dalam majlis-majlis tertentu. Hal ini dipertegas lagi dari kenyataan Shaiful Bahri Md. Radzi (2007) seperti berikut: “Dasar Pendidikan Negara telah menjadikan masyarakatnya celik huruf dan kriteria tradisional itu telah mula terhakis serta dalam masa yang sama ciri-ciri perbandaran itu mula terserlah. Masyarakat Malaysia sekarang adalah masyarakat berkomunikasi dan bermaklumat. Sudah tentu tradisi yang mereka wujudkan berbeza dari tradisi lama yang bersifat kekampungan, pinggiran, tradisional dan pelbagai lagi. Tradisi yang wujud dan lebih bersifat moden, berteknologi, maju dan canggih yang dikongsi bersama sebagai masyarakat bandar.”

Jelaslah bahawa unsur “kekinian” amat berkait rapat dengan segenap latar kehidupan kumpulan folklor bandaran yang hidup dalam arus kemodenan (Dundes & Pagter 1975: xv). Tambah beliau lagi, tradisi yang dianggap moden pada masa kini akan dianggap tradisional dan kuno oleh generasi terkemudian selepas 20 tahun. Sehingga satu tahap, pelabelan klasik diberikan kepada tradisi ini. Namun demikian, ia tidak memadamkan hasrat dan keinginan kumpulan folklor untuk mewujudkan sejumlah besar laman-laman sesawang dan blog-blog khusus memperkatakan tentang Mona Fandey. Secara tidak semena, jajahan kumpulan folklor urban semakin meluas hasil komunikasi dalam talian maya ini.

Semakin hari prestasi keintelektualan manusia kian berkembang. Selari dengan itu, pembangunan bandar juga semakin pesat dimajukan dengan berbagai langkah-langkah drastik diambil. Ini bertujuan menjadikan masyarakat menjalinkan hubungan sosial dalam suasana kehidupan urbanisasi, jauh meninggalkan cara kehidupan yang tradisional (Hariaty Abu Hassan 2000). Malah, Shaiful Bahri Md. Radzi (2003: 16) mengukuhkan pernyataan ini dengan menyebut “...tradisi yang mereka wujudkan berbeza dari tradisi lama yang bersifat kekampungan, pinggiran, tradisional dan pelbagai lagi. Tradisi yang wujud dan lebih bersifat moden, berteknologi, maju dan canggih yang dikongsi bersama orang bandar. Tradisi inilah yang dikenali sebagai folklor bandaran (urban folklore) yang wujud dalam masyarakat kontemporari kini.”

Hubungan yang terjalin antara satu generasi dengan satu generasi seterusnya amat penting dalam mengekalkan tradisi ini. Seperti yang dinyatakan di atas, walaupun tradisi lama telah diperbaharui namun ia masih tetap dikongsi secara kolektif dalam ruangan kumpulan itu. Hakikatnya, “folk” merujuk kepada sebarang kumpulan manusia yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua orang. Walaupun mereka tidak mengenali antara satu sama lain namun masih berkongsi dan mengamalkan sekurang-kurangnya satu faktor penghubung yang sama. Ciri sepunya inilah yang membentuk kumpulan folklor urban (Dundes 1980). Dalam konteks

ini, tumpuan lebih diberikan ke atas satu isu yang sama iaitu mengenai keterampilan Mona Fandey berbanding peristiwa pembunuhan yang dilakukannya (Berita Harian 23 Julai 1993).

Tatkala membicarakan perihal Mona Fandey, secara tidak langsung telah mengangkat Mona Fandey sebagai seorang legenda. Dalam kes ini, kedudukan legenda Mona Fandey adalah setaraf dengan legenda pendosa seperti Si Tanggang. Asasnya legenda adalah sebuah cerita yang benar sama ada berkaitan dengan tempat mahupun tokoh dan sering kali dibicarakan tanpa jemu. Sama halnya dengan legenda Mona Fandey. Mohd Khalid Taib (1991: 261) memberikan definisi legenda bersesuaian dengan rantau Nusantara seperti berikut: “Legenda adalah sebuah pernyataan yang selalunya bercorak cerita; berlatarkan masa atau sejarah yang masih boleh diingati oleh masyarakat berkenaan; yang mungkin menghubungkan pengalaman masa lampau dengan yang kekinian. Legenda dipercayai benar oleh penyampainya dan oleh mereka yang menerima penyampaian cerita itu, terutama sekali apabila wujudnya tanda-tanda di muka bumi yang seolah-olah menghasilkan sesuatu cerita legenda.”

Unsur “kekinian” yang diutarakan oleh Mohd Khalid Taib amat tepat dengan pemberian istilah legenda kepada Mona Fandey dalam konteks dunia masa kini.

Bertitik tolak dari itu, pemakaian istilah yang lebih tepat iaitu legenda urban (urban legend) disesuaikan oleh para pengkaji folklor. Pelopor pengkajian legenda urban, Jan Harold Brunvand (1981: xi) mendefinisikan legenda urban sebagai:

“Urban legends, are realistic stories concerning recent events (or alleged events) with an ironic or supernatural twist. They are an integral part of white Anglo-American culture and are told and believed by some of the most sophisticated “folk” of the modern society-young people, urbanites, and the well educated.”

Justeru, dari pernyataan itu Gregory Hansen (2009) dalam tulisan rencananya, *Public Folklore in Cyberspace* merumuskan bahawa Internet berpotensi besar dalam mempengaruhi penyampaian sesebuah cerita. Begitulah halnya seperti yang ditemui dalam blog-blog yang memperkatakan tentang ketokohan Mona Fandey sehingga diangkat-angkat menjadi seorang legend urban.

Kemudahan Internet ini adalah medium utama dalam memperkatakan satu hal yang sama. “Lore” dibina atas satu minat yang sama dalam kalangan mereka, maka itu folklor semestinya merujuk kepada satu kumpulan yang tidak mengenali antara satu sama lain tetapi masih berbicara tentang satu isu yang sama. Oleh itu, dengan gabungan antara medium teknologi dan lore tentang Mona Fandey, secara langsung telah mengangkat Mona Fandey sebagai legenda urban di Malaysia, lebih-lebih lagi dengan penampilannya yang menyerlah berbanding aspek-aspek lain. Itulah yang acap kali dibicarakan oleh folk di laman-laman sesawang sehingga menimbulkan kontroversi di Malaysia.

KETERAMPILAN PERSONALITI MONA FANDEY: SATU KONTROVERSI

Perhatian dicetuskan oleh kontroversi. Sesuatu yang tidak diendahkan sebelumnya boleh meraih populariti dengan sekelip mata. Bergantung kepada cara dan situasi ia digembar-gemburkan. Kisah pembunuhan kejam Adun Batu Talam yang dikerat kepada 18 bahagian pernah menjadi satu fenomena terhangat kira-kira 20 tahun dahulu. Namun, lebih menggamit tumpuan masyarakat adalah kepada keterampilan personaliti pelakunya, iaitu Mona Fandey. Tanggapan pertama untuk mengenali seseorang individu baru adalah melalui keterampilan

personaliti yang dipamerkan. Definisi keterampilan diulas oleh Nik Salida Suhaila dan Wan Abdul Fatah Wan Ismail (2011: 63) seperti petikan berikut:

“...kecekapan atau kemampuan dalam melakukan sesuatu. Seseorang yang memiliki keterampilan mempunyai kebolehan, kemahiran atau kepakaran yang mungkin tidak ada pada orang lain. Disebabkan keterampilan inilah individu akan dilihat lebih menonjol jika dibandingkan dengan orang lain.”

Berdasarkan ulasan tersebut dapatlah diertikan bahawa kelebihan yang dimiliki mampu menonjolkan diri seseorang individu lebih baik berbanding orang lain. Manusia ini lahir dengan pelbagai kerenah dan ragam, makanya kreativiti amat penting untuk meraih populariti yang diinginkan. Fokus inilah yang menjadi tumpuan kepada para blogger yang meminati kisah tragis Mona Fandey.

Seawal terbongkarnya kemisterian kehilangan Adun ini sehinggalah ke detik akhir hukuman gantung dilaksanakan ke atas Mona Fandey dan sekutunya, kumpulan folk tidak putus-putus merungkai “keganasan” peribadi Mona Fandey. Walaupun kadang kala kebenaran dan fakta kes ini disulami dengan tokoh tambah yang berlebih-lebihan, tetapi faktor inilah yang menimbulkan keterujaan kepada kumpulan folk untuk terus-menerus berbicara mengenainya. Malah, generasi terkini mula menjejaki semula peristiwa tersebut sehingga wujudnya “warung kopi siber”. Kutipan pembicaraan tentang Mona Fandey dikutip daripada laman-laman sesawang berikut:

Huruf	Sumber
A	budak-sinchan.blogspot.com/2009/04/al-kisah-mona-fandey.html
B	dyapunyabelog.blogspot.com
C	idasyuhada.blogspot.com/2013/10/mona-fandey-dalam-kenangan.html
D	kemenyanberasap.blogspot.com
E	www.carigold.com/portal/forums/archieve/index.php?t-233917.html
F	luffman-miexon.blogspot.com/2010/08/2-banglo-mona-fendi.html
G	chemranggi360.blogspot.com/p/mo.html
H	sayasalahka.blogspot.com
I	mulutbisul.blogspot.com
J	anoknikmat.blogspot.com
K	bukushinichi.blogspot.com

(Sumber: Diubahsuai daripada Norashikin Hamzah 2014)

Lanjutan daripada itu, rata-rata kumpulan folk ini mengungkap berkenaan keterampilan personaliti Mona Fandey terutama raut wajahnya, antaranya:

(A1): “hi..she’s a bit scary...btw, nice song from your inesen heart...nice blog :)”

Sender: Miss Ai

Sent: 21-06-2011; 9:16PM

(A2): “Seriau syabab tengok video clip mona fendey tuh...”

Sender: i’m shin...i’m inesen

Sent: 07-04-2009; 12: 40

(B1): “Cantik ke Mona Fandey? Pada pandangan aku, seram.”

Sender: Dya Mohamad

Sent: 27-01-2012

(B2): “fuh...mmg tragik giler kisah nie..satu malaya gempar mase tu. Aku tgk muke dia pon dah seram sejuk...”

Sender: AzwanRamli

Sent: 29-01-2012; 20:24

(C1): “...nama Mona Fandey itu sahaja sudah mempunyai aura menyeramkan hehehe”

Sender: Ida Syuhada

Sent: 13-10-2013; 16:17

(C2): “haih tengok muka dia saja dah menyeramkan. Saya lepas baca berita dia dulu, rasa seram tak henti for a few days.>. < kalau fikir cara dia bunuh orang tu...herhhh...”

Sender: Niena Reen

Sent: 13-10-2013; 20:42

(C3): “Mona Fandey memang seorang wanita yang cantik serta mempunyai susuk tubuh badan yang kecil molek. Penampilannya keluar masuk balai polis dan mahkamah sentiasa kelihatan cantik, peramah serta sentiasa mengukir senyuman di bibir tetapi entah kenapa kita merasa seram?”

Sender: Ida Syuhada

Sent: 13-10-2013; 16:17

(D1): “Tengok muka dia pon dah boleh nightmare kan?”

Sender: KemenyanBerasap

Sent: 23:39

Kebiasaannya pada pertemuan pertama, paras rupa adalah titik fokus utama dalam memberi tanggapan yang positif dalam perkenalan tersebut. Keseluruhan komentar di atas bermula dari (A1) sehinggalah (D1), rata-ratanya memperkatakan mengenai perasaan takut dan mengerikan saat pertama kali melihat wajahnya. Bahkan semacam terdapat satu aura yang meremangkan bulu roma ketika melihat paras rupa Mona Fandey walaupun hanya menatapnya di dalam laman sesawang. “Cantik tetapi seram” adalah frasa yang mampu menterjemahkan keterampilan personaliti figura kejam ini.

Komentar oleh i'm shin...i'm inesen (A2) yang seriau tatkala menonton video klip nyanyian Mona Fandey menunjukkan bukan sahaja raut wajahnya yang menerbitkan ketakutan tetapi nyanyiannya juga amat menyeramkan. Lebih meyakinkan tatkala komentar dari AzwanRamli (B2) menolak pandangan bahawa Mona Fandey ialah seorang yang cantik. Agak

janggal apabila seorang lelaki mempunyai tanggapan sedemikian memandangkan sebahagian besar lelaki mempunyai perspektif dan fikiran yang sama apabila melihat seorang wanita. “Scary”, “seriau” dan “seram” merupakan tiga kata yang acap kali diujarkan melalui komentar-komentar tersebut. Bukan itu sahaja, menurut komentar dari Ida Syuhada (C1) hanya sekadar mendengarkan nama Mona Fandey sahaja sudah cukup menimbulkan rasa kengerian serta menyimpan seribu satu misteri yang tidak mampu dirungkaikan. Lebih dahsyat apabila Niena Reen (C2) terus-terusan dihantui bayangan Mona Fandey untuk beberapa hari waima sekadar membaca berita mengenainya.

Selain dari penampilan wajah, pemilihan pakaian dan aksesori yang sesuai dapat meningkatkan keyakinan diri terutama kepada seseorang wanita. Oleh sebab itu, fesyen pemakaian Mona Fandey sangat diingati oleh “pengikut-pengikut” kumpulan folklor. Inilah yang dijustifikasikan dalam beberapa komentar berikut:

(I1): “Di sepanjang perbincangan, beliau dikatakan berlagak diva, kerap mengenakan baju berwarna kontras hitam-merah, dandanan wajah yang tebal dan tingkah laku yg dramatik. Alah apa hairannya, Mona Fandey kan artis. Jadi sebagai artis haruslah pandai tampil menarik. Tambah2 pula masuk dlm akhbar muka hadapan? Itu tak masuk lagi siaran2 berita TV utama?”

Sender: Mulut bisul
Sent: 26-02-2011; 7:14PM

(K1): “Dia yang memakai blaus merah berbintik hitam tanpa lengan serta seluar ketat berwarna hitam tersenyum lebar melihat reaksi orang ramai menjerit-jeritkannya. Dia yang memakai rantai manik berwarna ungu gelap dan gelang tangan merah berjalur hitam...Pakaiannya walaupun tidak begitu banyak dia pandai memadankannya. Kadang kala ‘over’ pula aku tengok. Ada ketikanya tidak kena tempat. Ada beberapa kali pakaiannya nampak seksi dan terpaksa ditutup dengan selendang dan jaket. Memang si Mona ni suka glamour kot.”

Sender: Shinichipedia mail
Sent: 08-09-2012; 4:31PM

(K2): “Mona pada hari itu mengikat rambutnya dengan riben biru muda menampakkan lehernya yang jinjang. Apapun pada aku si Mona ni pandai menjaga imejnya.”

Sender: Shinichipedia mail
Sent: 08-09-2012; 4:31PM

(I2): “Kalau dah melaram, tak lengkaplah kalau tak senyumkan? Jadi tak hairanlah apabila sepanjang perbincangan beliau dikatakan sentiasa murah dgn senyuman bila diacukan lensa kamera. Malah selepas dijatuhkan hukuman pun beliau tetap senyum dan mengucapkan terima kasih kepada seluruh rakyat Malaysia. Berterima kasih utk apa agaknya tuh yea? Agaknya kerana menjadikan impiannya popular dan diingati sampai kini tak? Seramnya...”

Sender: Mulut bisul
Sent: 26-02-2011; 7:14PM

Seperti yang diketahui umum, Mona Fandey merupakan seorang artis di Malaysia sekitar tahun 80-an namun tidak sepopuler penyanyi-penyanyi seangkatannya. Tidak menghairankan sekiranya seseorang artis itu berdandan berlebihan kerana sudah sedia maklum bahawa untuk muncul di kaca televisyen dan dada-dada akhbar, penampilannya haruslah luar biasa dari pemakaian seharian. Berlainan dengan Mona Fandey, kemunculannya setiap kali menghadiri perbicaraan amat meragukan malah kadang-kala kelihatan agak kekok dalam situasi yang dihadapinya ketika itu. Solekan tebal dan dandanan yang berlebih-lebihan dilihat sebagai suatu tindakan yang tidak sesuai tetapi itulah yang membezakan Mona Fandey dengan tahanan-tahanan yang lain. Ini juga yang menyebabkan Mona Fandey meninggalkan kesan dan ingatan kepada kumpulan folk bermula dari tahun 1993 sehinggalah ke hari ini.

Tindakan Mona Fandey ternyata tepat tatkala menghias dirinya dengan penampilan yang ekstravaganza kerana berjaya mencuri tumpuan lensa kamera. Ini bertepatan dengan pandangan dari Charles G. Morris dan Albert A. Maisto (1999: 442) iaitu:

“Psychologist typically define personality as an individual’s unique pattern of thoughts, feelings, and behaviour that persist over time and across situation...that is personality is relatively stable and enduring.”

Komentar (E1) dan (K1) dapat disimpulkan bahawa Mona Fandey amat menitik beratkan penampilan diri saat berhadapan di khalayak ramai. Mona Fandey sering kali menggayakan baju dan aksesori seperti gelang serta rantai yang berwarna hitam, dan ini dianggap bersesuaian dengan kekejaman yang telah dilakukannya. Namun begitu, pemadanan fesyennya yang adakalanya dianggap melampau tetap mendapat pujian seperti petikan komentar Shinichipedia Mail (K2), “apa pun pada aku si Mona ni pandai menjaga imejnya.” Berkemungkinan tujuan Mona Fandey berpenampilan sedemikian adalah sebahagian dari rancangannya untuk memberi rasa ketakutan selain mahu diingati sepanjang zaman, seperti seorang legenda. Inilah yang dapat disiratkan melalui komentar dari Mulut bisul (I2).

Selanjur dari gayanya yang “memikat” hati kumpulan folk, terbit pula perdebatan berkenaan rupa paras dan susuk tubuh Mona Fandey yang menggiurkan sehingga timbulnya spekulasi tentang pembedahan plastik yang telah dijalannya suatu ketika dahulu. Komentar-komentar tersebut dapat diperlihatkan seperti di bawah:

(A3): “Dia pada masa itu kelihatan semakin cantik dan seksi. Mona tidak kelihatan seperti umurnya yang menjangkau hampir 40 tahun pada waktu itu. Ada yang kata Mona bukan 38 tahun, tetapi sebenarnya lebih 50 tahun.”

Sender: i'm shin...i'm inesen
Sent: 05-04-2009

(A4): “dia kan buat pembedahan plastik shin ooooo...klu atok usia 80an pun kena bedah itu ini boleh jadik 20an... Cuma sediakan duitnya sajork, dosa pahala tu...kesah dlm kubor...tapi sy x sanggup...”

Sender: Az Az
Sent: 14-01-2010; 12:07

(B3): “Waktu perbincangan ramai yang cakap “Mona makin lawa! Mona makin lawa!”. Mona Fandey seorang yang bergaya. Kadang-kadang di waktu perbincangan, pakaian Mona Fandey terlalu seksi, nasib baik hakim tak kata apa-apa. Ada yang cakap Mona pakai pemanis pejadah haram semua, tapi mengikut fakta mahkamah, Mona Fandey membuat beberapa pembedahan plastik di muka.”

Sender: DyaMohamad

Sent: 27-01-2012

(E1): “mak aku citer masa zaman muda dia tgggl kt TAMAN MEDAN PJ...dia gadis paling cantik time tu...wallahualam.”

Sender: arapaima

Sent: 18-05-2011; 9:03

(G1): “Pada mata aku, dia pada masa itu kelihatan semakin cantik dan seksi.”

Sender: Chemical Ranggi

Sent: 12-03-2013

(I3): “Beliau mendakwa pernah melakukan pembedahan plastik berulang kali utk mengekalkan keremajaan btk tubuhnya. Remaja lagi ke? Alah bukan tua sgt pun dia masa tuh, baru saja mencecah 38 tahun. Nasiblah, botox tak wujud lagi pada tahun 1993, kalau ada mesti dia buat suntikan juga.”

Sender: Mulut bisul

Sent: 26-02-2011; 7:14PM

Perumpamaan Melayu berkenaan kecantikan seorang wanita acapkali diiraskan “bak pipi pauh melayang” ataupun “hidung mancung bak seludang”. Budaya masyarakat Melayu yang kaya dengan kehalusan bahasa memperlihatkan kebijaksanaan mereka berbicara dengan alam. Di samping itu, perumpamaan juga lebih sesuai sama ada dalam memberi pujian atau kutukan tanpa mengguris perasaan seseorang secara langsung. Keseluruhan komentar di atas bermula dari (A3) hingga (I3) menunjukkan rasa kagum di atas kecantikan Mona Fandey. Suatu hal yang dapat dilihat di sini, walaupun terdapat komentar-komentar negatif berkenaan keterampilannya, masih ada juga yang memuji wajah Mona Fandey dan mengangkat reputasinya sebagai seorang wanita cantik namun kejam.

Cantik dan muda. Itulah yang sering dibicarakan tentang kemunggalan Mona Fandey bermula dari komentar (A3) sehinggalah dalam komentar terakhir menyentuh tentang penggunaan botox yang sangat terkenal waktu ini. Komentar (A3) iaitu i’m shin...i’m inesen menimbulkan persoalan mengenai umur sebenar Mona Fandey kerana terdapat pelbagai tekaan tentang kebuntuan ini. Menjadi suatu kekeliruan dalam kelompok folklor apabila terlalu banyak yang memberi sumbang saran sehinggalah antara fakta dan auta sudah bercampur aduk. Dalam menjawab kekusutan ini, petikan dari Berita Harian telah menjawab perlegaran soalan ini:

ALOR STAR. Ahad – Mona Fandey atau nama sebenarnya, Maznah Ismail yang dikatakan rapat dengan Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Talam, Datuk Mazlan Idris didakwa menjalani pembedahan plastik di Jepun untuk mencantikkan beberapa bahagian tubuhnya. Ibu saudaranya, Inson Kameh, 42, mendakwa Mona bukan pakar dalam awet muda kerana dia menghabiskan beribu ringgit untuk mengekalkan kejelitaannya dengan menjalani pembedahan plastik di beberapa bahagian badannya.

Inson mendakwa Mona menghabiskan lebih RM5,000 untuk melakukan pembedahan plastik pada buah dadanya dan beribu-ribu ringgit lagi untuk menegangkan kembali kulitnya yang sudah kendur.

Beliau juga mempersoalkan usia Mona yang didakwa 49 tahun sedangkan beliau (Inson) yang lahir dahulu daripada beliau.

Saya percaya dia sengaja mendakwa sudah berumur bagi mengelirukan pelanggan supaya yakin dengan bahan awet muda yang dibuatnya sendiri.

Mona marah apabila kakak menegurnya kerana menghabiskan wang untuk melakukan pembedahan itu sedangkan wang itu boleh digunakan untuk urusan lebih berfaedah seperti mengerjakan umrah,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Puju, di sini hari ini.

(Berita Harian 1993. 26 Julai)

Hasil dari laporan akhbar ini telah mendedahkan kemisterian kecantikan si Mona Fandey. Sewaktu perbincangan berlangsung, ibu saudara Mona Fandey telah memberi kenyataan seperti petikan di atas, makanya terbongkarlah segala penipuan Mona Fandey berkaitan keterampilan dirinya yang luar biasa itu. Wajah dan tubuh badan yang seolah-olah tidak dimamah usia sebelum ini rupa-rupanya adalah hasil dari pembedahan plastik yang pernah dijalankannya.

Sememangnya kecantikan dan wanita tidak dapat dipisahkan. Keadaan yang sama berlaku kepada Mona Fandey. Demi mencapai cita-citanya, Mona Fandey sanggup melakukan pelbagai cara meskipun tindakannya menyakitkan diri sendiri. Ternyata ianya berkesan kerana menurut arapaima (E1), Mona Fandey merupakan wanita paling cantik di kawasan perumahan mereka. Sumbangan komentar ini adalah hasil daripada penceritaan ibunya yang pernah tinggal di kawasan kejiranan yang sama dengan Mona Fandey sewaktu muda dahulu. Secara tidak langsung, tindakan arapaima berkongsi info tersebut dengan para folk dalam ruangan maya menguatkan hujah bahawa Internet adalah sesuatu yang unik. Trevor J. Blank (2009: 9) mengulas lebih lanjut seperti berikut:

“Folks groups are readily identifiable on the Internet, as evidenced by chat forums, blogs, online political activity, fan web pages, and a plethora of other interrelated concepts. New traditions are being forged in online communities, and web lingo- emerging in such forms as net-derived lingo (see netlingo.com). wiki based Internet vocabulary databases like urbanictionary.com or the communal folk wisdom of online discussion groups- demonstrates the uniqueness of Internet expression.”

Justeru, perkongsian maklumat antara kumpulan folk tidak lagi terbatas dalam lingkungan ahli keluarga sahaja dan tidak hanya bergantung kepada pertuturan lisan semata. Kehebatan Internet memberi ruang yang cukup meluas bagi sesuatu maklumat terutama satu topik sama yang digemari disebar luaskan walaupun antara mereka tidak mengenali antara satu sama lain.

“Kemudaan” yang diperoleh oleh Mona Fandey bukanlah suatu yang asli. Tanpa bantuan pembedahan plastik untuk penegangan kulit wajah tidak mungkin rupanya mampu

kelihatan 20 tahun lebih muda dari usia sebenarnya. Paling mencuit hati tatkala komentar yang dilayangkan oleh Az Az (A4) yang membandingkan usia seorang atuk iaitu yang berumur 80 tahun pasti akan menjadi cantik dan muda seperti Mona Fandey sekiranya pembedahan plastik dilakukan ke atasnya. Wang bukanlah satu halangan namun dosa yang harus ditanggung akibat mengubah ciptaan-Nya adalah sesuatu yang amat digeruni. Sinis kenyataannya namun mempunyai kebenaran seperti yang diperturunkan dalam sepotong ayat Al-Qur'an di bawah:

“Katakanlah (wahai Muhammad)”: “Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkanNya untuk hamba-hambaNya, dan demikian juga benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakanNya?” Katakanlah: “Semuanya itu ialah (ni'mat-ni'mat) untuk orang-orang beriman (dan juga yang tidak beriman) dalam kehidupan dunia; (ni'mat-ni'mat itu pula) hanya tertentu (bagi orang-orang beriman sahaja) pada hari kiamat.” Demikianlah Kami jelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi orang-orang yang (mahu) mengetahui.”

(Surah Al-A'raaf: 32)

Sebarang perubahan diri tanpa sebab-sebab kukuh adalah suatu perbuatan yang melanggar nikmat Allah S.W.T kurniakan. Jika perbuatan ini dilakukan dengan alasan untuk mengelak dari proses ketuaan seperti yang berlaku dalam kes Mona Fandey ini, sememangnya ia ditegah oleh agama. Tua dan mati itu adalah pasti bagi setiap makhluk yang bernyawa di atas muka bumi ini. Datuk Mohd. Taib Hassan (Berita Harian 25 Julai 1993) memberi ulasan lanjut berkenaan tindakan Mona Fandey. Beliau menyifatkan perbuatan ini tidak mendatangkan sebarang faedah malah menjerumuskan seseorang itu ke kancah maksiat. Menurut beliau lagi, umat Islam seharusnya menginsafi bahawa kecantikan wajah tidak akan kekal abadi dan tidak perlu bersusah payah untuk melawan proses semula jadi ini.

Komentar (I3) yang datangnya dari Mulut bisul seolah-olah dapat membayangkan obsesi Mona Fandey dalam mengekalkan kecantikannya. Kelegaan dihempaskan kerana pada tahun kejadian, rawatan botox belum lagi diperkenalkan. Sekiranya ia dikeluarkan dalam pasaran, pastinya orang pertama yang tidak akan melepaskan peluang bagi rawatan tersebut ialah Mona Fandey. Setelah berhabisan ribuan ringgit untuk memasang badan pastinya tidak ada yang mampu menghalang Mona Fandey untuk 'memperbaiki' wajahnya agar keterampilan personalitinya lebih memikat hati masyarakat sekeliling. Apatah lagi wajah baru dipadankan dengan gaya yang lebih seksi dan unik memberikan satu pakej lengkap untuk ditabalkan sebagai seorang wanita paling cantik di zaman itu. Satu hakikat yang harus diakui adalah walaupun telah menjalani beberapa pembedahan plastik, wajah Mona Fandey ketika ini sahaja sudah menimbulkan kengerian. Jikalau suntikan botox dijalankan, sudah pastinya kelihatan seperti kembar kepada Morticia Addams.

KESIMPULAN

Media elektronik terutama Internet adalah sebahagian dari kehidupan manusia ketika ini. Penyampaian sesuatu cerita menjadi lebih pantas dan meluas dengan hanya satu “click” sahaja. Wadah hubungannya yang mampu sampai ke segenap lapisan masyarakat menjadikan Internet ibarat sebuah jambatan terpanjang di dunia. Kerancangan perbincangan berkenaan keterampilan

personaliti Mona Fandey menunjukkan bahawa kisah yang berlaku hampir 20 tahun lalu mampu diungkapkan semula oleh generasi terkini. Mereka membina satu kumpulan folk yang berkongsi keterujaan tentang satu hal yang sama berkenaan Mona Fandey. Pautan laman-laman sesawang yang berhubungan antara satu sama lain menguatkan lagi perhubungan antara ahli-ahli folk. Secara tidak langsung, ia telah melahirkan lore bersifat setara kerana perbincangan tertumpu pada satu isu yang sama iaitu, keterampilan personaliti Mona Fandey.

Penilaian dan pandangan yang berbeza-beza antara satu sama lain dalam kumpulan folklor urban ini tidak menghalang tradisi bercerita dijalinan secara berterusan. Negatif atau positif satu-satu komentar tersebutlah yang menghangatkan suasana bercerita di alam maya. Berdasarkan ulasan-ulasan berkenaan keterampilan personaliti Mona Fandey dari aspek raut wajah sehinggalah pakaiannya mendapat liputan meluas sehinggakan Mona Fandey dapat diangkat sebagai ikon jenayah. Kekejaman yang terserlah melalui keterampilannya adalah hasil daripada kecerdikkan Mona Fandey mengubah dirinya menjadi lebih berbeza dan versatil dari penampilan seharian individu yang biasa. Sesungguhnya, kisah Mona Fandey adalah antara satu contoh terbaik yang menunjukkan bahawa sastera lisan tidak pernah pupus malah tradisi bercerita ini amat sehati dalam diri setiap manusia, yang berubah hanyalah medium perantara dalam menyampaikan suatu cerita.

RUJUKAN

- Abd. Rahim Abd. Rashid. (2001). *Perubahan paradigm nilai: ke arah transformasi sosial dan pembentukan Malaysia baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Advertorial. (2014). Hilang maruah kerana mengejar kemewahan. *Mastika*. Bil. 877 (7): 78-79.
- Blank, T. J. 2009. *Folklore and the Internet: vernacular expression in a digital world*. Loga, Utah: Utah State University Press.
- Brunvand, Jan Harold. (1981). *The vanishing hitchhiker: American urban legends and their meanings*. New York: W.W. Norton.
- Dundes, Alan. And Pagter, Carl R. (edt.). (1975). *Urban Folklore from the paperwork empire*. Austin, Texas: American Folklore Society.
- Gimblett, Krishenblatt. (1998). Folklore crisis. *Journal of American Folklore*. Vol. 111: 281-327.
- Hurlock, E.B. (1978). *Child Development*. New York: McGraw Hill Inc.
- Julia Unggai. (1992). Sastera kanak-kanak: menuntut pengalaman dan pengetahuan psikologi kanak-kanak. *Wadah*. Disember: 1-5.
- Mona jalani pembedahan plastik. (1993). *Berita Harian*, 26 Julai.
- Morris, G. Charles and Maisto, S. Albert. (1999). *Introduction to psychology (10th edt.)*. New Jersey: Prentice Hall.
- Muhammad Izzudin Nawi. (2014). Skeptis dan stereotaip terhadap kereta nasional: satu wacana daripada perspektif folklor urban. Tesis Sarjana. Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Salida Suhaila Nik Saleh dan Wan Abdul Fatah Wan Ismail. (2011). Keterampilan intelek wanita rentasi kekangan jantung: satu pandangan. Dlm. Abd. Rahim Abd. Rashid

- (pngr.). Keterampilan wanita alaf baharu. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Nimoiz T.Y. (2014). Perkembangan sastera siber di Malaysia. *Tunas Cipta*. Bil. 11: 10-13.
- Norashikin Hamzah. (2014). *Mona Fandey: Legenda Urban di Malaysia*. Tesis Sarjana Yang Tidak Diterbitkan, Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noriah Taslim. (1991). Makna legenda keramat Melayu: satu analisis struktural teks legenda Lebai Kader dari Kedah. Dlm. Mohd. Taib Osman (pngr.). *Pengkajian sastera rakyat bercorak cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahimah Abdul Aziz. (2000). Globalisasi dalam era pembangunan: pengalaman Malaysia. Dlm. Rahimah Abdul Aziz dan Mohamed Yusoff Ismail. (pnyt.). *Masyarakat, budaya dan perubahan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saodi Mat Atar, Khalid Amin, Halmi Samad, Zabidi Hitam, Nadzim Ahmad Jamalludin, Fazli Arman, Fazli Abdullah, Ismail Mat, SM Yusof dan Sabaruddin Ghani. (1993). Mayat Mazlan ditemui. *Berita Harian*. 23 Julai.
- Shaiful Bahri Md. Radzi. (2003). "Genre cerita jenaka: suatu perbandingan folklor." Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Bandingan ASEAN, Universiti Brunei Darussalam, Bandar Seri Begawan. 17-19 Oktober.
- Shaiful Bahri Md. Radzi. (2007). "Dari Saga ke Kancil dan seterusnya: Legenda Bandaran dalam Industri Permotoran di Malaysia." Konfrontasi Internasional Kesusasteraan XVII, Musyawarah Nasional VII, Himpunan Sarjana Kesusasteraan Indonesia (HISKI), Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya, Universitas Indonesia, Kampus Universitas Indonesia, Depok. 6-9 Ogos.
- Shaiful Bahri Md. Radzi. (2011). "Senario folklor dalam konteks Malaysia: satu perbincangan." Seminar Folklor Asia-Asian Wisdom Through Folklore, Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS) dan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. 2-3 November.
- Siti Salasiah binti Tamam dan Shaiful Bahri Md. Radzi. (2013). Jurang digital dalam cerita jenaka Internet: satu perbincangan folklor urban. *Jurnal Melayu*. Bil. 10: 49-67.
- Sweeney, Amin. 1987. *A full hearing: orality and literary in the Malay world*. Berkeley: University of California Press.
- Zaitul Azma dan Ahmad Fuad. (2011). *Perumpamaan Melayu: penelitian makna dan nilai*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- anoknikmat.blogspot.com*.
- budak-sinchan.blogspot.com/2009/04/al-kisah-mona-fandey.html*.
- bukushinichi.blogspot.com*.
- chemranggi360.blogspot.com/p/mo.html*.
- dyapunyabelog.blogspot.com*.
- http://en.wikipedia.org/wiki/Morticia_Addams.
- http://mahathir-mohamad.blogspot.com/2009/09/dasar-ekonomi-baru.html*.
- http://www.wikipedia.org/wiki/Khadijah_Ibrahim/Dayangku_Intan.
- idasyuhada.blogspot.com/2013/10/mona-fandey-dalam-kenangan.html*.
- kemenyanberasap.blogspot.com*.
- luffman-miexon.blogspot.com/2010/08/2-banglo-mona-fendi.html*.

mulutbisul.blogspot.com.

sayasalahka.blogspot.com.

www.biography.com/people/mahathir-mohamad-9395417#entry-intro-politics.

www.businessinsider.com/a-brief-history-of-social-media.

www.carigold.com/portal/forums/archieve/index.php?t-233917.html.